



**LAPORAN TAHUNAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
2000**

# Kandungan

<b>Maklumat Korporat</b>	<b>1</b>
<b>Pegawai Berkuasa Universiti</b>	<b>6</b>
<b>Jawatankuasa Pengurusan</b>	<b>10</b>
<b>Laporan Naib Canselor</b>	<b>15</b>
<b>Laporan Perancangan Strategik</b>	<b>24</b>
<b>Laporan Aktiviti Pelajar dan Persatuan</b>	<b>29</b>
<b>Laporan Penyata Kewangan</b>	<b>34</b>

## **Wawasan 2020 UiTM**

Menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi unggul  
yang mengendalikan program profesional  
dengan menyepadukan  
sains, industri, teknologi,  
perdagangan dan kemanusiaan  
berorientasikan  
pengurusan dan keusahawanan

## **Falsafah UiTM**

Kepercayaan bahawa semua manusia  
mempunyai bakat,  
minat dan kecenderungan  
dan jika diasuh,  
dididik dan dilatih dengan sempurna  
melalui pemindahan ilmu pengetahuan  
dari mana-mana kebudayaan atau tamadun dunia  
secara terbuka  
serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam,  
boleh berperanan  
dalam membangunkan diri,  
masyarakat dan negara

## **Misi UiTM**

Membangun generasi Bumiputera  
supaya menjadi profesional  
berilmu, berinovasi, berdaya saing, bertaqwa  
dan mampu menerajui pembangunan

## **Objektif Akademik UiTM**

Mengadakan program pendidikan  
di peringkat separa profesional dan profesional  
sesuai dengan keperluan guna tenaga manusia,  
terutama dalam bidang sains dan teknologi,  
perniagaan dan pengurusan,  
serta menanam sikap positif dan membentuk  
keperibadian mulia menerusi  
pendedahan kepada ilmu pengetahuan  
dari mana-mana tamadun secara terbuka  
serta penghayatan terhadap Islam, khususnya kepada  
belia-belia Bumiputera yang kurang bernasib baik,  
agar mereka lebih bersedia  
menghadapi persaingan dunia pekerjaan,  
sanggup berdikari  
dan berani menjadi agen perubahan  
dalam sebuah masyarakat majmuk

## **Moto Universiti**

“USAHA, TAQWA, MULIA”

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (44 Tahun)

## SEJARAH LATAR BELAKANG

Sejarah penubuhan UiTM bermula pada tahun 1956 seiringan dengan penubuhan Dewan Latehan RIDA (Pembangunan Luar Bandar dan Industri), pusat kuliah yang menawarkan kursus persediaan kepada pelajar berorientasikan pendidikan Inggeris.

## DEWAN LATEHAN RIDA (1956-1965)

Dewan Latehan RIDA adalah satu inspirasi daripada Dato' Onn bin Ja'afar ekoran daripada lawatan yang dilakukan ke Ceylon (sekarang Sri Lanka) pada tahun 1951. Tujuan utama lawatan yang dibuat adalah untuk mendalamai program pembangunan dalam negeri. Selepas daripada lawatan itu, satu kertas kerja (kertas No. 10 pada tahun 1951) telah dikemukakan kepada "Federal Legislative Council". Kertas kerja tersebut merupakan asas terhadap penubuhan RIDA. Sebagai satu badan agensi kerajaan, objektif RIDA adalah untuk membangunkan penduduk dan meningkatkan ekonomi.

Pada tahun 1956, sebuah unit latihan yang diketuai oleh En. Abdul Samad bin Ibrahim telah ditubuhkan. Ekoran daripada unit latihan ini, Taman Asuhan RIDA (Kuala Lumpur) dan Dewan Latehan RIDA (Petaling Jaya) telah dibuka.

Dewan Latehan RIDA memulakan operasinya yang pertama pada bulan November 1956, di bawah pentadbiran Tuan Syed Alwi bin Syed Sheikh Alhadi. Pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Perdagangan dan Industri pada 14 Februari 1957.

Kursus-kursus yang ditawarkan pada ketika itu adalah:

- i. Kursus persediaan selama 2 tahun untuk *London Chamber of Commerce* (Peperiksaan Tinggi)
- ii. Kursus selama setahun untuk *London Chamber of Commerce* (Peperiksaan "Intermediate")
- iii. Kursus selama 18 hari untuk peniaga-peniaga kecil
- iv. Kursus 2 bulan untuk pembuatan "coir"  
(Dimansuhkan pada bulan Mei 1957).

Pada tahun 1960, Dewan Latehan RIDA telah meningkatkan syarat-syarat kemasukan untuk kursus ke Cambridge School Certificate / Sijil Persekolahan Cambridge. Tiga kursus baru telah diperkenalkan:

- i. Stenografi
- ii. Kesetiausahaan (ACS)
- iii. Perakaunan (*Australian Society of Accountants*)

Pada tahun 1962, Dewan Latehan RIDA memperkenalkan kursus profesional seperti Pengurusan Asas Perniagaan, kursus persediaan kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan yang dikelolakan oleh Institut Pengurusan British (British Institute of Management). Pada tahun 1964, Dewan Latehan RIDA mengadakan majlis konvokesyen yang pertama. Seramai 50 orang graduan telah menerima sijil daripada Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri.

## MARA DAN MAKTAB MARA (1965-1967)

Semasa berlangsungnya Kongres Ekonomi Bumiputera pada 5 hingga 7 Jun 1965 di Kuala Lumpur, 68 resolusi telah dikemukakan; 22 daripadanya adalah berkenaan dengan pengkajian semula peranan dan objektif RIDA, serta cadangan baru untuk mengukuhkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan oleh pihak yang berkuasa.

Langkah pertama yang diambil ialah menukar nama RIDA kepada MARA. Menurut Tun Abdul Razak, perubahan ini adalah untuk memberi nafas baru dan harapan kepada RIDA. Ekoran daripada itu, pada bulan Disember 1965, akta Majlis Amanah Rakyat telah diluluskan oleh Parlimen.

Pada bulan Jun 1965, Dewan Latehan RIDA telah ditukarkan kepada Maktab MARA. Maktab MARA merupakan unit terpenting di bawah Bahagian Latihan MARA. Pada tahun 1966, *British Institute of Management* atau Institut Pengurusan British mula menawarkan peperiksaan jarak jauh atau "external exam". Maktab MARA telah memulakan kursus untuk Diploma Pengajian Perniagaan. Kerjasama dengan *Ealing Technical College* di London telah diadakan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi menjamin kualiti diploma. (Pelajar perlu lulus peperiksaan luar yang dijalankan di bawah pengawasan Kolej tersebut).

## INSTITUT TEKNOLOGI MARA

(Okttober 1967)

Satu bancian ke atas sumber manusia yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan dibantu oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) pada tahun 1965 menunjukkan terdapat kekurangan dalam melatih sumber manusia di peringkat profesional dan separa profesional, khususnya di kalangan bumiputera.

Untuk mengatasi masalah ini, 300 ekar tanah di Shah Alam telah diperuntukkan dan diluluskan untuk pembinaan kampus baru Maktab MARA. Pada hari Sabtu, bersamaan 14 Oktober 1967, batu